



Ruj. Kami : APMM.DM4.100-100-2/1/1(13)
Tarikh : 22 April 2021
Bersamaan : 10 *Ramadan 1442H*

SIARAN MEDIA

OP EHSAN: EMPAT BOT, SEMBILAN KRU BERSAMA 80 BUBU NAGA DI TAHAN MARITIM NEGERI SELANGOR

SELANGOR, 22 April – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor telah menahan empat bot, sembilan kru dan merampas 80 set bubu kambang atau bubu naga (China prawn net trap) kira-kira 1.0 batu nautika barat daya Sungai Tengkorak, Tanjung Karang awal pagi semalam.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim Mohd Rosli Bin Kassim berkata, semua bot ditahan secara berasingan semasa pihaknya melaksanakan OP EHSAN dengan kaedah penyamaran di sekitar perairan Kuala Selangor.

Berikutan penyamaran itu, anggota penguat kuasa telah mengesan empat bot berserta sembilan kru sedang melakukan aktiviti perikanan dengan mencurigakan.

Pemeriksaan mendapati kesemua bot ini sedang melakukan aktiviti penangkapan ikan menggunakan bubu naga. Di mana setiap bot tersebut memuatkan kira-kira 20 set bubu naga dan kesemua dirampas dengan anggaran nilai RM6,400.

Sembilan kru yang ditahan terdiri daripada dua kru warga tempatan, enam kru warga Myanmar dan seorang kru warga Indonesia berumur sekitar 20 hingga 50 tahun.

Semua bot, kru dan peralatan dibawa ke Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor untuk disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Nelayan diingatkan supaya mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen perikanan yang telah diperuntukan. Maritim Negeri Selangor tidak akan berkompromi terhadap sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang di dalam kawasan perairan negara.

Penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Jika terdapat aduan dan maklumat mengenai sebarang kegiatan jenayah maritim serta kecemasan di laut, sila hubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 yang beroperasi secara 24 jam atau talian kecemasan MERS 999 agar tindakan segera dapat diambil oleh Maritim Malaysia.

KEPTEN MOHAMMAD ROSLI BIN KASSIM
PENGARAH MARITIM NEGERI SELANGOR
AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM NEGERI SELANGOR

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut sila hubungi;

Lt Dya (M) Noor Hasni @ Idris bin Ismail
LK (M) Muszamzuruddin bin Musa

: 019 - 2575279
: 012 - 8247658